

**MAJLIS DAERAH SIK****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Gred Kontraktor	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian & Tarikh Tutup Sebut Harga
MDS.400-5/7/1(SH/01.25)	G1	CE21	KERJA-KERJA MENAIK TARAF JAMBATAN DI KG. LUBUK BESAR, 08200 SIK, KEDAH	Tarikh Pembelian Sebut Harga Pada 14/04/2025 Hingga 22/04/2025
MDS.400-5/7/1(SH/02.25)	G1	CE21	KERJA-KERJA MEMBINA PAGAR DI TANAH PERKUBURAN ISLAM KG. SUNGAI SEPUTIH, 08200 SIK, KEDAH	Tarikh Tutup Sebut Harga Pada 22/04/2025 Jam 12.00 Tengah Hari

2. Pihak kontraktor atau pembekal mestilah berdaftar dengan Majlis Daerah Sik terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebut harga. Pendaftaran kontraktor untuk **G1** adalah sebanyak **RM 100.00**. Pihak kontraktor dan pembekal mestilah membawa bersama dokumen-dokumen berikut semasa mendaftar :

- i. **Sekeping gambar pengurus berukuran passport**
- ii. **Salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi**
- iii. **Sijil original dan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

3. Pihak kontraktor dan pembekal wajib menghadiri diri semasa sesi taklimat dan lawatan tapak seperti yang tertera. **Hanya pihak kontraktor dan pembekal yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Wakil daripada pihak Kontraktor atau Pembekal adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut.** Sesi taklimat akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 14 April 2025 (Isnin)
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman

4. Pihak Kontraktor dan Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan yang mempunyai kod bidang serta tajuk yang dibenarkan sahaja **LAYAK** untuk menyertai sebut harga.

5. Dokumen sebut harga boleh dibeli di Kaunter Majlis Daerah Sik pada **14 April 2025 (Isnin)** jam **11.00 pagi** dan setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00**. **Hanya kontraktor dan pembekal yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.**

6. Pihak kontraktor dan pembekal perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut semasa menyerahkan sebut harga seperti salinan **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, salinan **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, salinan **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.

7. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup**, dan **tajuk sebut harga** dan dialamatkan kepada :-

Majlis Daerah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman

8. Tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **22 April 2025 (Selasa)** jam **12.00 tengah hari**. **Majlis Daerah Sik tidak akan melayan sebarang kelewatan pengeposan dokumen sebut harga tersebut.**

MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUT HARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUT HARGA.



YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK
KEDAH DARUL AMAN

- s.k. : a) Ketua Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Sik.
b) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Sik.
c) Bahagian Bajet Pembangunan, Kementerian Ekonomi